



MUHAMMAD Pauzi Abd. Latif (kanan) bersama Wan Ahmad Hassan Wan Abdullah melihat struktur rumah tradisional Terengganu, bujang berselasar sebelum dipindahkan ke Muzium Warisan Melayu di Serdang, Selangor ketika ditemui di Kuala Terengganu, kelmarin. - UTUSAN/SHAFUDIN MOHD. NOR

UPM abadikan warisan seni bina Melayu Terengganu

KUALA TERENGGANU 16 Mac - Universiti Putra Malaysia (UPM) berusaha mengekal dan mengabadikan warisan seni bina Melayu Terengganu iaitu rumah bujang berselasar dengan langkah menempatkannya di Muzium Warisan Melayu di Serdang, Selangor.

Rumah berusia hampir 150 tahun di Kampung Tanjong Pasar dekat sini yang diwarisi oleh Wan Ahmad Hassan Wan Abdullah, 57, itu diserahkan kepada pengarah muzium berkenaan, Dr. Muhammad Pauzi Abd. Latif baru-baru ini.

Reka bentuk rumah jenis itu yang hampir lenyap dianggap salah satu simbol kepada kesempurnaan seni bina rumah tradisional, suatu peninggalan keilmuan dan pancaran kreativiti serta inovasi bangsa Melayu, disesuaikan fungsinya dengan kehidupan.

Menurut Dr. Muhammad Fauzi, rumah bujang berselasar merupakan satu daripada empat rumah tradisional Melayu di negeri ini selain rumah bujang berpeleh, rumah te'le dan rumah limas potong Belanda.

Katanya, rumah yang masih mengekalkan seni bina asal itu dibina sendiri oleh pemiliknya, Wan Muda Wan Hassan yang merupakan seo-

rang pembuat perahu serta barang-barang tembaga dan kini diwarisi cucu Allahyarham, Wan Ahmad.

“Bagi projek terbaharu ini, kami mengambil masa selama kira-kira enam bulan untuk mengenal pasti rumah tersebut hasil bantuan pihak muzium negeri dan kerajaan negeri.

“Rumah ini diserahkan secara rasmi dua minggu lalu,” katanya kepada pemberita ketika mengetuai kerja-kerja membuka dan memindah rumah itu sini semalam.

Kerja-kerja yang berlangsung selama tiga hari sejak semalam itu turut disertai Pensyarah Kanan, Jabatan Seni Bina UPM, Dr. Mohamad Fakri Zaky Ja'afar.

Menurut Muhammad Pauzi, dianggarkan hanya 10 ke 15 peratus daripada struktur bahagian rumah itu yang memerlukan penggantian termasuk tiang, lantai dan atap justeru usaha memasang semula mengikut bentuk asal dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

Mengulas lanjut, katanya, keunikannya rumah bujang berselasar adalah kerana tidak mempunyai bilik selain mempunyai ruang serambi yang dinamakan selasar.